



## Menghantar Musa pulang

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

BAIK kanak-kanak atau orang dewasa, mereka berebut-rebut bersalaman dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, untuk mengucapkan selamat berangkat kepada beliau di Lapanganterbang Senai, Johor Bahru, semalam.

Turut menghantar Datuk Musa ialah Menteri Besar Johor, Tan Sri Haji Othman Saat; Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri; Ketua-ketua Jabatan Kerajaan dan pemimpin-pemimpin parti politik dari Barisan Nasional.

Datuk Musa melakukan lawatan rasmi yang pertama sebagai Timbalan Perdana Menteri selama dua hari mulai Isnin lalu.

Beliau juga melawat Majuternak di Keluang dan KEJORA di Kota Tinggi untuk meninjau kemajuan yang dicapai oleh kedua agensi itu kelmarin. — Gambar Berita Harian oleh Yusoff Omar.